

# REMERON SOLTAB®

Mirtazapine (15mg, 30mg, 45mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REMERON SolTab
2. Bagaimana REMERON SolTab berfungsi
3. Sebelum mengambil REMERON SolTab
4. Cara megambil REMERON SolTab
5. Semasa mengambil REMERON SolTab
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REMERON SolTab
8. Maklumat lanjut

## Apakah kegunaan REMERON SolTab

REMERON SolTab digunakan untuk merawat kemurungan, termasuklah untuk mencegah relaps.

Kemurungan berlaku dengan lebih lama atau lebih teruk daripada perasaan pilu yang dialami oleh semua orang dari semasa ke semasa disebabkan tekanan jiwa sehari-hari. Kemurungan difikirkan berlaku akibat ketidakseimbangan kimia di sesetengah bahagian otak. Masalah ini menjelaskan seluruh badan dan boleh menyebabkan simptom emosi dan fizikal seperti hilang semangat, hilang minat terhadap aktiviti, tidak mampu menikmati hidup, kurang selera makan atau makan terlebih banyak, gangguan tidur, kerap bangun awal, hilang keinginan seks, kurang bertenaga dan terasa bersalah tanpa sebab.

Ubat ini membetulkan ketidakseimbangan kimia ini dan mungkin dapat melegakan simptom kemurungan. Walau bagaimanapun, doktor mungkin mempreskripsi ubat ini untuk tujuan lain.

### Tanyalah doktor jika anda kurang pasti tentang sebabnya anda diberi ubat ini.

Ubat ini hanya boleh diperoleh atas preskripsi doktor.

REMERON SolTab tidak menyebabkan ketagihan.

## Bagaimana REMERON SolTab berfungsi

Remeron bertindak di dalam otak dengan menghalang reseptor dan membetulkan ketidakseimbangan kimia di dalam otak lalu menghasilkan kesan melawan kemurungan.

## Sebelum mengambil Remeron SolTab

### Bila tidak boleh mengambil

#### Jangan makan REMERON SolTab:

- jika anda alah terhadap ubat yang mengandungi mirtazapine
- jika anda alah terhadap mana-mana ramuan yang disenaraikan pada

### penghujung risalah ini.

Antara simptom tindak balas alergi ialah ruam, gatal-gatal atau gegata, bengkak pada muka, bibir, mulut, tekak atau bahagian-bahagian badan yang lain, sesak nafas, nafas berdehit atau sukar bernafas.

**Jangan makan REMERON SolTab jika anda sedang memakan sejenis ubat lain yang digunakan untuk merawat kemurungan, iaitu perencat monoamina oksidase (MAOI), atau jika anda ada memakan ubat MAOI dalam tempoh 14 hari yang lepas.**

Memakan REMERON SolTab berserta MAOI boleh menyebabkan tindak balas yang serius, iaitu suhu badan meningkat dengan mendadak, tekanan darah yang sangat tinggi dan sawan yang teruk. Antara contoh ubat jenis ini ialah phenelzine, tranylcypromine dan selegiline. **Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti sama ada anda sedang atau pernah memakan ubat MAOI.**

**Jangan makan REMERON SolTab jika bungkusannya koyak atau nampak seperti telah diusik.**

**Jangan makan REMERON SolTab selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusannya.**

**Jika anda kurang pasti sama ada anda patut bermula memakan REMERON SolTab, tanyalah doktor.**

### Sebelum mula mengambil

#### Jangan berikan REMERON SolTab kepada kanak-kanak atau remaja.

Keselamatan menggunakan REMERON SolTab bagi pesakit bawah usia 18 tahun belum diketahui.

#### Beritahu doktor jika:

1. anda alah terhadap mana-mana ubat, makanan, pewarna atau pengawet lain.
2. anda hamil atau bercadang untuk menjadi hamil.

Sama seperti kebanyakan ubat lain seumpama ini, REMERON SolTab tidak sepatutnya digunakan semasa hamil. Doktor akan membincangkan risiko dan manfaat memakan REMERON SolTab semasa hamil.

3. anda sedang atau bercadang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

Tidak diketahui sama ada REMERON SolTab dikeluarkan melalui susu badan.

## 4. anda pernah atau sedang mengalami masalah kesihatan, terutamanya yang berikut:

- terlintas pada hati anda niat hendak membunuh diri atau mencederakan diri
- epilepsi (sawan)
- penyakit hati misalnya jaundis
- penyakit ginjal
- penyakit jantung
- tekanan darah yang rendah
- apa-apa penyakit mental (misalnya skizofrenia, kemurungan manik)
- diabetes
- glaukoma (tekanan meningkat di dalam mata)
- masalah membuang air kecil disebabkan oleh pembesaran prostat
- demam panas, sakit tekak dan ulser di dalam mulut yang tidak diketahui puncanya
- ketidaktahanan terhadap fruktosa
- gangguan penyerapan glukosa-galaktosa
- kekurangan sukrosa-isomaltase
- fenilketonuria.

**Jika anda belum memberitahu doktor tentang mana-mana penyakit tadi, beritahulah sebelum anda memakan REMERON SolTab.**

### Jikamengambil ubat- ubat lain

**Beritahu doktor jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuklah ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.**

Sesetengah jenis ubat boleh terjejas oleh REMERON SolTab atau boleh menjelaskan keberkesaan REMERON SolTab, seperti:

- ubat-ubat lain (misalnya SSRI, venlafaxine, L-tryptophan, nefazodone) untuk merawat kemurungan, keresahan, gangguan obsesif kompulsif atau gangguan disforik prahaid
- ubat Perencat Monoamina Oksidase (e.g. tranylcypromine, phenelzine, dan selegiline)
- ubat yang mengandungi St John's Wort (hypericum perforatum)
- phenytoin atau carbamazepine, yang digunakan untuk merawat epilepsi
- ubat benzodiazepine, yang digunakan untuk merawat keresahan dan masalah tidur
- lithium, yang digunakan untuk merawat beberapa penyakit psikiatri
- tramadol, sejenis ubat tahan sakit
- morphine, yang digunakan untuk menahan sakit yang kuat
- cetirizine, ubat untuk alergi
- warfarin, yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah
- linezolid, erythromycin, iaitu antibiotik

# REMERON SOLTAB®

Mirtazapine (15mg, 30mg, 45mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- rifampicin, ubat untuk tuberkulosis
  - ubat-ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat, misalnya ketoconazole
  - ubat HIV/AIDS
  - cimetidine, yang digunakan untuk merawat refluks dan ulser di dalam perut
  - ubat triptan, misalnya sumatriptan, dan zolmitriptan, untuk merawat migrain.
- Doktor akan memberitahu anda apa yang perlu dilakukan jika anda memakan mana-mana ubat tadi.

Doktor atau ahli farmasi mungkin ada maklumat selanjutnya tentang ubat yang perlu digunakan dengan berhati-hati ataupun dielakkan sama sekali semasa memakan REMERON SolTab.

**Jika anda kurang pasti sama ada anda memakan mana-mana ubat tersebut, tanyalah doktor atau ahli farmasi.**

## Cara mengambil Remeron SolTab

**Ikutilah semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi.** Arahān tersebut mungkin berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

## Berapa banyak harus diambil

**Doktor akan memberitahu anda bilangan tablet REMERON SolTab yang perlu dimakan setiap hari. Makanlah dengan tepat-tepatnya bilangan yang ditentukan oleh doktor.**

Dos permulaan yang biasanya diberikan ialah 15mg sehari. Doktor mungkin meningkatkan dos ini perlahan-lahan bergantung pada tindak balas anda terhadap REMERON SolTab. Dos yang biasanya berkesan bagi kebanyakan orang ialah antara 30mg hingga 45mg sehari. Namun begitu, doktor mungkin menentukan dos yang berlainan.

**Jika anda tidak memahami arahan yang tertulis pada kotak, tanyalah doktor atau ahli farmasi.**

## Bila perlu diambil

**Makan Remeron SolTab pada kira-kira waktu yang sama setiap hari.**

Doktor akan memberitahu anda waktu untuk memakan tablet anda.

Tablet tersebut hendaklah dimakan pada waktu yang sama setiap hari, sebaik-baiknya sebagai satu dos pada waktu malam sebelum tidur. Jika disarankan oleh doktor, REMERON SolTab boleh dimakan sebagai dos yang dibahagi dua (sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu malam sebelum tidur).

## Cara mengambil

REMERON SolTab boleh dimakan berserta atau tanpa air.

## Baca arahan yang berikut dengan teliti.

- Jangan tekan poket tablet supaya tidak menghancurkan tablet.
  - Setiap papan mengandungi enam poket tablet, yang dipisahkan oleh garis tebuk. Bengkokkan papan beberapa kali pada garis tebuknya, kemudian koyakkan satu poket tablet.
  - Kopek penutup kerajang dengan cermat, bermula dengan sudut yang ditunjukkan oleh anak panah.
  - Keluarkan tablet dengan tangan yang kering dan letakkan tablet di atas lidah. Tablet akan larut dengan cepat dan boleh ditelan berserta atau tanpa air.
- Gunakan tablet sebaik sahaja dikeluarkan daripada poketnya.** Setelah dikeluarkan, tablet tidak boleh disimpan lagi.

## Berapa lama perlu diambil

**Teruskan memakan REMERON SolTab sehinggalah doktor menyuruh anda berhenti.**

Bagi kemurungan, tempoh rawatan bergantung pada betapa cepatnya simptom anda bertambah baik. Kebanyakan ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan mengambil masa untuk memberikan kesan. Oleh itu, janganlah berputus asa jika anda tidak bertambah pulih dengan segera. Beberapa simptom anda mungkin bertambah baik dalam tempoh 1 hingga 2 minggu tetapi mungkin mengambil masa 2 hingga 4 minggu sebelum anda merasakan manfaat ubat ini sepenuhnya.

Walaupun anda berasa pulih, namun anda biasanya perlu memakan REMERON SolTab selama 4 hingga 6 bulan atau lebih lama untuk memastikan bahawa manfaatnya berkekalan.

## Jika terlupa mengambil

### DOS SEKALI SEHARI

**Jika anda terlupa memakan tablet sebelum anda tidur, jangan makan dos yang tertinggal itu pada keesokan paginya. Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk pada siang hari.**  
**Teruskan rawatan pada waktu malam, mengikut dos biasa yang ditetapkan.**

### DOS DUA KALI SEHARI

- Terlupa dos pagi - makan dos pagi sekali

## dengan dos malam.

- Terlupa dos malam - jangan makan dos malam sekali dengan dos keesokan pagi. Teruskan rawatan dengan dos pagi dan dos malam seperti biasa.
- Terlupa kedua-dua dos - jangan makan dos yang tertinggal itu. Teruskan dengan dos pagi dan dos malam seperti biasa pada keesokan hari.

**Jika anda selalu terlupa memakannya, mintalah ahli farmasi memberi anda beberapa petua.**

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Telefon doktor atau ahli farmasi dengan segera untuk mendapatkan nasihat, atau pergi ke hospital yang berdekatan, jika anda rasa anda atau orang lain mungkin telah termakan dos REMERON SolTab yang berlebihan. Lakukan demikian walaupun tidak kelihatan tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda memakan terlalu banyak tablet Remeron SolTab, anda mungkin berasa mengantuk, pening, keliru, kegelisahan, mengalami kadar degup jantung yang laju atau hilang sedar.

## Semasa mengambil Remeron SolTab

### Perkara yang perlu lakukan

**Beritahu doktor dengan segera jika anda mengalami demam, seram sejuk, sakit tekak atau ulser mulut, atau tanda-tanda lain bahawa anda kerap terkena jangkitan.**

REMERON SolTab boleh, tetapi jarang-jarang sekali, menyebabkan kekurangan sel darah putih lalu melemahkan daya ketahanan badan terhadap jangkitan. Simptom ini mungkin timbul 2 hingga 6 minggu selepas memulakan rawatan.

**Beritahu doktor dengan segera atau pergi ke hospital yang terdekat untuk mendapatkan rawatan jika terlintas pada hati anda niat hendak membunuh diri atau jika anda mengalami perubahan mental/mood yang lain.**

Kadangkala, antara simptom kemurungan atau penyakit psikiatri yang lain ialah terlintas pada hati anda niat hendak mencederakan diri sendiri atau membunuh diri. Sehingga kesan cegah kemurungan yang sepenuhnya menjadi nyata, simptom ini mungkin bertambah teruk dalam tempoh

# REMERON SOLTAB®

Mirtazapine (15mg, 30mg, 45mg)

beberapa minggu selepas memulakan rawatan.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali memperlihatkan kelakuan seolah-olah hendak membunuh diri semasa memakan REMERON SolTab, hubungilah doktor atau pakar kesihatan mental dengan segera atau perlilah ke hospital yang terdekat untuk mendapatkan rawatan.

Antaranya ialah:

- berfikir atau bercakap tentang kematian atau bunuh diri
- berfikir atau bercakap tentang kehendak mencederakan diri sendiri atau orang lain
- apa-apa percubaan mencederakan diri
- tingkah laku yang agresif, sikap cepat marah atau keresahan yang bertambah nyata. Segala perkataan bunuh diri atau keganasan mesti diambil serius.

**Beritahu doktor jika anda menjadi hamil ketika menggunakan ubat ini. Jangan berhenti memakan tablet ini kecuali anda telah berbincang dengan doktor.**

**Beritahu doktor jika anda tidak memakan ubat seperti yang telah diarahkan, atas apa-apa sebab.** Jika tidak, doktor mungkin menganggap bahawa ubat ini tidak berkesan dan menukar rawatan anda sedangkan sebenarnya tidak perlu.

**Beritahu doktor jika anda merasakan bahawa tablet ini tidak meringankan penyakit anda.**

**Pastikan anda menghadiri semua janji temu dengan doktor supaya keadaan kesihatan anda boleh diawasi.**

Anda mungkin perlu menjalani ujian darah dari semasa ke semasa.

**Sebelum anda mula memakan apa-apa ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang memakan REMERON SolTab.**

**Beritahu mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang memakan REMERON SolTab.**

**Perkara yang tidak boleh dilakukan**  
**Jangan pandu kenderaan atau kendalikan jentera sehingga anda tahu kesan tablet REMERON SolTab terhadap anda.**

REMERON SolTab boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening pada sesetengah orang lalu menjelaskan kewaspadaan dan daya tumpu. Jika ini berlaku, jangan pandu kenderaan, kendalikan jentera atau lakukan apa-apa sahaja yang mungkin berbahaya.

**Jangan berhenti memakan REMERON SolTab dengan tiba-tiba, atau kurangkan dosnya, tanpa berbincang dengan doktor terlebih dahulu.**

**Pastikan anda tidak kehabisan ubat ini pada hujung minggu atau semasa cuti.**

**Jangan berhenti memakan REMERON SolTab, walaupun anda berasa pulih, kecuali diarahkan oleh doktor.**

Berhenti memakan REMERON SolTab dengan tiba-tiba boleh menyebabkan rasa loya, sakit kepala, pening, keresahan dan kegelisahan.

Doktor mungkin akan mengurangkan jumlah REMERON SolTab yang anda makan secara beransur-ansur sebelum menghentikannya.

**Jangan gunakan REMERON SolTab untuk merawat apa-apa penyakit lain kecuali diarahkan oleh doktor.**

**Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun simptom mereka nampak serupa dengan simptom anda atau mereka menghidap penyakit yang sama seperti anda.**

**Perkara yang perlu diberi perhatian**  
**Berhati-hati apabila meminum arak semasa memakan REMERON SolTab.**

REMERON SolTab yang digabungkan dengan arak boleh membuatkan anda berasa lebih mengantuk dan kurang berwaspada. Doktor mungkin akan menyuruh anda menghindarkan diri daripada arak semasa dirawat dengan ubat ini.

## Kesan-sesan sampingan

**Beritahu doktor atau ahli farmasi dengan secepat mungkin jika anda berasa kurang sihat semasa anda mengambil REMERON SolTab.**

REMERON SolTab membantu kebanyakan pesakit yang murung, tetapi boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Semua jenis ubat pun ada kesan sampingannya. Ada

*Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)*

kalanya kesan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami beberapa kesan sampingan tersebut. **Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.**

**Jangan terkejut apabila membaca senarai kesan sampingan yang boleh berlaku ini.** Anda mungkin tidak akan mengalami mananya satu pun.

**Beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang berikut dan jika kesan sampingan itu mengganggu kehidupan anda:**

**Kesan sampingan yang sangat lazim berlaku (membawa kesan terhadap lebih daripada 1 dalam setiap 10 pengguna):**

- selera makan yang lebih baik dan berat badan yang bertambah
- mengantuk
- sakit kepala
- mulut kering

**Kesan sampingan yang lazim berlaku (membawa kesan terhadap 1 hingga 10 dalam setiap 100 pengguna):**

- tak bermaya
- pening
- terketar-ketar
- loya
- cirit-birit
- muntah-muntah
- ruam atau lepuh pada kulit (eksantema)
- sakit sendi (artralgia) atau otot (mialgia)
- sakit belakang
- rasa pening atau pitam apabila anda berdiri secara tiba-tiba (hipotensi ortostatik)
- Bengkak (lazimnya pada pergelangan kaki atau kaki) disebabkan penakungan bendalir (edema)
- rasa letih
- mimpi yang seakan-akan hidup
- kekeliruan
- rasa resah gelisah
- masalah tidur

**Kesan sampingan yang tidak lazim berlaku (membawa kesan terhadap 1 hingga 10 dalam setiap 1000 pengguna):**

- perasaan riang atau tersangat gembira (mania) → Berhenti memakan Remeron dan beritahu doktor dengan segera.
- rasa yang abnormal pada kulit, e.g. rasa bahang, pedih, geli atau gelenyar (parestesia)
- kaki tidak boleh berkeadaan diam

- pengsan (sinkope)
- rasa kebas pada mulut (hipoestesia mulut)
- tekanan darah yang rendah
- mimpi yang ngeri
- rasa gelisah
- halusinasi
- rasa tergesa untuk bergerak

**Kesan sampingan yang jarang-jarang sekali berlaku (membawa kesan terhadap 1 hingga 10 dalam setiap 10,000 pengguna):**

- warna kuning pada mata atau kulit, yang mungkin disebabkan oleh gangguan pada fungsi hati (jaundis)  
→ Berhenti memakan Remeron dan beritahu doktor dengan segera.
- otot menggerenyet atau mengecut (mioklonus)
- sikap agresif

**Tidak diketahui (kekerapan tidak dapat dianggarkan daripada data yang ada):**

- tanda-tanda jangkitan seperti demam panas secara tiba-tiba yang tidak diketahui puncanya, sakit tekak dan ulser di dalam mulut (agranulositosis)  
→ Berhenti memakan Remeron dan hubungi doktor untuk menjalani ujian darah dengan segera.
- Remeron boleh, tetapi jarang-jarang sekali, menyebabkan gangguan penghasilan sel darah (sekat sumsum tulang). Sesetengah orang menjadi kurang berdaya tahan terhadap jangkitan kerana Remeron boleh menyebabkan kekurangan sel darah putih secara sementara (granulositopenia). Remeron juga boleh, tetapi jarang-jarang sekali, menyebabkan kekurangan sel darah merah, sel darah putih dan platelet darah (anemia aplastik), kekurangan platelet darah (trombositopenia) atau pertambahan bilangan sel darah putih (eosinofilia).

- serangan epilepsi (sawan)  
→ Berhenti memakan Remeron dan beritahu doktor dengan segera.
- gabungan simptom tadi, contohnya demam yang tidak diketahui puncanya, berpeluh-peluh, peningkatan kadar degupan jantung, cirit-birit, pengecutan otot (yang tidak terkawal), menggigil, refleks yang terlalu aktif, keresahan, perubahan mood, hilang sedar dan air liur bertambah banyak. Simptom begini boleh, tetapi sangat jarang-jarang sekali, menandakan sindrom serotonin.  
→ Berhenti memakan Remeron dan

- beritahu doktor dengan segera.
- terlintas pada hati anda niat hendak mencederakan diri atau membunuh diri → Hubungilah doktor atau pergilah ke hospital dengan segera.
- rasa yang abnormal di dalam mulut (parestesia mulut)
- bengkak di dalam mulut (edema mulut)
- bengkak seluruh badan (edema umum)
- bengkak setempat
- hiponatremia
- tindak balas kulit yang teruk (sindrom Stevens-Johnson, bulus dermatitis, eritema multiforme, nokrolisis epidermis toksik)
- Gangguan pertuturan

**Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan tadi juga boleh berlaku pada sesetengah pesakit. Beritahu doktor jika anda mengalami apa-apa sahaja yang membuatkan anda berasa tidak sihat. Tanyalah doktor atau ahli farmasi jika anda tidak memahami apa-apa di dalam senarai ini.**

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)”

**Cara penyimpanan dan pelupusan REMERON SolTab**

**Penyimpanan**

**Simpan tablet di dalam papan lepuhnya sehingga tiba waktunya memakannya.** Tablet ini tidak boleh disimpan lagi jika anda mengeluarkannya daripada papan lepuh.

**Simpan pada suhu yang kurang daripada 30°C di tempat yang gelap dan kering.**

**Jangan simpan REMERON SolTab, atau mana-mana ubat lain, di dalam bilik air atau berdekatan dengan sink. Jangan tinggalkan REMERON SolTab di dalam kereta atau pada ambang tingkap.** Haba dan lembapan boleh memusnahkan sesetengah jenis ubat.

**Simpan ubat ini di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.**

Almari berkunci yang sekurang-kurangnya satu meter setengah tinggi ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

**Pelupusan**

**Pulangkan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi.**

**Maklumat lanjut**

**Rupa dan warna produk**

REMERON SolTab boleh didapati dalam tiga kekuatan: 15 mg, 30 mg dan 45 mg. Tablet ini berbentuk bulat, berwarna putih, berpermukaan rata, bersisi serong, ditandai kod pada sebelah permukaannya (15 mg TZ/1, 30 mg TZ/2, 45 mg TZ/4) dan berbau limau. Ubat ini dibungkuskan ke dalam papan lepuh yang tidak boleh dibuka oleh kanak-kanak.

Saiz bungkusan: pek lepuh berisi 6, 18 atau 30 tablet (mungkin bukan semua saiz bungkusan ini dipasarkan).

**Ramuan**

REMERON SolTab mengandungi mirtazapine 15mg atau 30 mg atau 45 mg sebagai bahan aktif.

REMERON SolTab juga mengandungi bahan-bahan tidak aktif yang berikut: bebola gula# (mengandungi sukrosa dan kanji), hipromelosa, povidone, Eudragit E 100, magnesium stearat, manitol (E421), crospovidone, natrium bikarbonat, asid sitrik kontang, selulosa mikrohablur, aspartame (E951)##, perisa oren SN 027512.

#REMERON SolTab mengandungi bebola gula berisi sukrosa. Pesakit yang menghidap penyakit keturunan seperti ketidaktahanan terhadap fruktosa, gangguan penyerapan glukosa-galaktosa atau kekurangan sukrosa-isomaltase tidak boleh memakan ubat ini. Walau bagaimanapun, penyakit-penyakit ini jarang-jarang sekali berlaku.

## Aspartame mungkin berbahaya bagi pesakit yang menghidap fenilketonuria.

No. MAL:

MAL05023178ACR (15 MG)

MAL05023176ACR (30 MG)

MAL05023179ACR (45 MG)

**Pengilang**

CIMA Labs Inc, 10000 Valley View Road, Eden Prairie, MN 55344, United States.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

MERCK SHARP & DOHME (MALAYSIA) SDN. BHD.

T2-9, Jaya 33, No. 3 (Lot 33),  
Jalan Semangat, Seksyen 13,  
46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

30/04/2013.